

## KPDNHEP serbu gudang pengeluar produk basmi kuman

**Kajang:** Permintaan tinggi terhadap cecair pembasmi kuman dipercayai mendorong sebuah syarikat pengeluar produk berkenaan menaikkan harga hingga lebih 100 peratus dalam tempoh tidak sampai dua minggu.

Bagaimanapun, helah pengeluar itu terbongkar selepas serbuan dilakukan tujuh pegawai dan anggota penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) di gudang syarikat berkenaan di Bukit Angkat, di sini, kira-kira jam 1 tengah hari, semalam.

Timbalan Pengarah Pencegahan Bahagian Penguat Kuasa KPDNHEP Putrajaya, Azman Adam, berkata serbuan itu dilakukan selepas pihaknya menerima aduan orang awam berhubung peningkatan harga cecair pembasmi kuman dikeluarkan syarikat berkenaan yang dijual secara dalam talian.

"Berdasarkan pemerhatian awal dilakukan awal bulan lalu di laman web syarikat berkenaan mendapati harga satu pek cecair pembasmi kuman seberat

lima liter dijual pada harga RM118 berbanding harga sebelumnya RM112.

"Bagi tempoh dua minggu kemudian, harga produk berkenaan terus meningkat hingga 100 peratus (kepada) RM228 semalam (kelmarin) di laman web syarikat terbabit," katanya pada sidang media di lokasi serbuan.

Azman berkata, pihaknya turut merampas 37 pek cecair pembasmi kuman seberat lima liter setiap satu dianggarkan bernilai RM8,436 dalam serbuan berkenaan.

"Kami memandang serius kes peningkatan harga cecair pembasmi kuman kerana permintaan semakin meningkat dalam kalangan pengguna berikutan penularan COVID-19.

"Perkara berkenaan perlu dibendung bagi mengelakkan panik dalam kalangan pengguna kerana kekurangan serta peningkatan harga produk terbabit di pasaran.

"Orang ramai yang mempunyai maklumat berhubung aktiviti penjualan cecair pembasmi kuman yang meragukan diminta menyalurkan maklumat melalui sembilan saluran disediakan kepada pihak KPDNHEP untuk tindakan lanjut.

"Pembekal serta peniaga turut dinasihatkan supaya memberi kerjasama kepada pengguna dan kerajaan bagi memastikan produk kawalan sentiasa berada dalam pasaran mengikut harga ditetapkan," katanya.